

Tinjauan Terhadap Sekularisme dan Pemisahan Agama dari Politik di Malaysia

Oleh: Syed Ahmad Fathi
Email: fathi137@gmail.com

Abstrak

Peranan agama dalam politik sering dibahaskan terutamanya di negara Malaysia. Ada yang berpandangan bahawa agama harus dipisahkan dari politik. Fahaman ini mendukung fahaman sekular yang dilaksanakan di Barat bagi menjamin keadilan dalam kalangan pelbagai kaum dan agama. Pemisahan ini juga sering dikaitkan dengan kemajuan ekonomi sesebuah negara. Ada juga pandangan yang menyatakan bahawa agama mempunyai sumbangan positif dalam pembangunan negara. Ia memberi identiti dan foundasi moral bagi sesebuah negara. Penulisan ini merupakan satu tinjauan pada soalan ini, perihal peranan agama dalam politik negara serta tinjauan terhadap bentuk politik sekular.

Kata kunci: Islam, Politik, Malaysia, Sekularisme, Sejarah, Negara Bangsa, Barat, Ideologi

Wajarkah politik dan agama dipisahkan?

Pertamanya saya merasakan bahawa bila kita sebut politik dan agama itu perlu dipisahkan, kita mungkin perlu menjelaskan agama itu merujuk kepada agama apa? Kerana dalam dunia ini terdapat banyak agama, dan ada agama yang tidak mempunyai unsur politik yang jelas. Sebagai contoh mungkin kita boleh katakan bahawa agama Buddha tidak mempunyai banyak unsur-unsur politik di dalamnya, malah agama Buddha tidak mengajak kepada kepada penyembahan Tuhan tetapi lebih memfokuskan penganutnya untuk memperbaiki cara hidup untuk mengatasi kesengsaraan atau *duhkha*.

Tetapi dalam konteks Malaysia, apabila dibicarakan bahawa perlunya dipisahkan agama dari politik, ia secara tidak langsung merujuk kepada agama Islam. Kerana di Malaysia, Islam diiktiraf sebagai agama persekutuan dan mempunyai peranan dalam perlembagaan. Saya rasa Islam dan agama-agama lain mempunyai perbezaan yang besar bila dilihat dari sudut politik. Kristian sebagai contoh, pengasasnya, Jesus, tidak pernah memiliki kekuasaan politik, malah dalam naratif Kristian, Jesus itu ditindas (*persecuted*) dibawah kerajaan Rom pada ketika itu hinggalah dia disalib dan dibunuh semasa pemerintahan gabenor Pontius Pilate. Jadi dalam sejarah awalnya, ia tidak mempunyai kuasa politik. Ini berbeza dengan sejarah Islam di mana nabi Muhammad SAW bukan sahaja menjadi seorang nabi,

dia juga mempunyai sejarah menjadi ketua negara apabila Islam berkembang di Yathrib. Oleh itu, dalam Islam, dari sudut sejarah awalnya, ia memang mempunyai dimensi politik. Jadi saya kira, atas faktor sejarah ini, amat sukar untuk mengasingkan Islam dari politik, kerana ia mempunyai *historical precedent*.

Kedua, selain dari sejarah, agama ini, termasuk agama Islam, ia menjadi sumber identiti kepada manusia. Oleh itu, kita cuba macam mana pun, saya kira persoalan identiti ini tetap akan kembali. Kerana identiti ini memberikan manusia satu bentuk. Manusia mesti mempunyai satu bentuk, untuk membolehkan dia mencipta aturan kehidupan sosial. Politik adalah cara kita menyusun aturan sosial manusia. Agama menjadi identiti yang akan membentuk aturan ini. Atau dalam kata lain, bentuk negara yang bagaimana kita hendak tuju. Ini persoalan identiti, dan semua negara mempunyai masalah yang sama. Semua negara mencari identiti, baik yang beragama atau tidak, dan agama memberi satu *foundation* untuk identiti.

Ketiga, saya merasakan bahawa agama berfungsi dalam memberikan panduan moral. Dalam Islam, politik ini termasuk dalam bab *mutaghayyirat*, iaitu bab dimana perbezaan pendapat dibenarkan. Ia tidak tetap dan statik, Islam memberi panduan asas dalam masa yang sama membenarkan manusia menggunakan akal fikiran.

Walaupun saya merasakan bahawa pemisahan agama dan politik sukar dilaksanakan, saya juga merasakan bahawa dengan menggabungkan politik dan agama ia mempunyai beberapa risiko. Risikonya adalah pada manusia, walaupun agama itu sempurna manusia itu tidak sempurna. Dengan penggabungan ini, ketidaksempurnaan manusia akan dikaitkan dengan agama. Saya juga merasakan dengan memisahkan agama dan politik, masalah tetap akan wujud, kerana masalahnya adalah pada manusia bukan agama.

Perlukah kita mendukung sekularisme untuk menjadi negara maju?

Jika kita hendak mengaitkan sekularisme dengan kemajuan, pertamanya mungkin kita perlu berikan definisi apa yang kita anggap maju? Jika kemajuan itu hanya diukur oleh kemajuan ekonomi, negara yang paling kaya dari sudut ekonomi adalah Amerika Syarikat. Adakah Amerika merupakan negara yang sekular? Ada perbezaan pendapat dalam hal ini. Untuk menjadi presiden Amerika Syarikat, seseorang itu perlu bersumpah dengan meletakkan tangan mereka diatas kitab Bible, motto rasmi di sana adalah *"in God we trust"*. Amerika juga mempunyai populasi Kristian yang besar. Tidak seperti Eropah yang sudah meninggalkan agama dan kebanyakan mereka merupakan ateis. Amerika masih mempunyai populasi Kristian yang aktif. Malah blok Kristian Evangelikal di Amerika merupakan blok yang sangat berpengaruh dalam menentukan siapa yang menjadi kerajaan. Donald trump sebagai contoh, menang pilihanraya kerana mendapat undi yang kuat dari golongan Kristian Evangelikal.

Pandangan saya, kemajuan ekonomi lebih banyak bergantung pada strategi ekonomi sesebuah negara berbanding agama yang dianuti oleh penduduk sesebuah negara. Malah kemajuan ekonomi tidak bergantung pada keberadaan demokrasi. Menurut ahli ekonomi dari Cambridge, Ha-Joon Chang kebanyakan negara-negara seperti Jepun, Korea Selatan, dan Taiwan dimajukan dibawah kerajaan diktator seperti pemerintahan Meiji, Park Chung-hee, dan Chiang Kai-shek. Kita mungkin boleh mengatakan, lihat negara-negara Islam di Timur Tengah, kebanyakannya huru hara dan hancur disebabkan perang. Adakah ini merupakan hasil dari pengaruh agama? Bagi saya negara-negara di Timur Tengah ini masih lagi belum bebas sepenuhnya dari cengkaman kolonialisma. Kebanyakannya

diterajui oleh diktator yang disokong oleh kuasa-kuasa Barat. Ambil contoh Bashar Assad di Syria, sehingga kini beliau masih berkuasa kerana mendapat sokongan ketenteraan dari Rusia. Begitu juga Mesir yang berjaya memilih presiden rakyat yang pertama, kemudian digulingkan oleh kudeta tentera dengan restu Amerika Syarikat.

Sekularisme mempunyai sejarah yang besar dalam peradaban Barat. Penguasaan gereja yang kejam dan mencampuri urusan politik negara membuatkan orang eropah menolak institusi gereja. Perhatikan perkataan yang digunakan *"separation of the church from the state"* bukan *"separation of the religion from the state"*. Perkara yang ditentang adalah institusi gereja bukan agama itu sendiri. Jika ditanya kepada saya, negara apa yang paling sekular, saya akan katakan Perancis. Di Perancis, kepekatan sekularisme sehingga penganut agama merasakan mereka ditekan dan ditindas. Contohnya pengharaman tudung di sekolah. Apabila diamalkan dengan ekstrim, sekular juga boleh melahirkan penindasan terhadap agama. Saya berpandangan bahawa kita boleh menjadi maju tanpa perlu menjadi sekular, ia adalah dua benda yang berbeza, sebagaimana kita juga boleh menjadi moden tanpa menjadi barat, *we can be modern without being western, we can also develop without being secular.*

Islam dalam perlembagaan, bagaimana politik harus dicorak dan digerak?

Malaysia adalah satu negara yang unik, di mana Islam diiktiraf dalam perlembagaan secara khusus dan terang. Perkara ini sangat penting kerana Islam boleh wujud dalam bentuk institusi, kita ada Majlis Agama Islam, Jabatan Agama Islam, Mufti, bahkan Menteri khusus untuk agama Islam. Jadi sebarang usaha untuk mengubah Malaysia sebagai negara sekular perlu melepasi halangan besar pertama ini. Melihat situasi hari ini, saya merasakan hampir mustahil Islam boleh dibuang dari perlembagaan Malaysia. Ia tidak dapat dilakukan secara praktik melalui demokrasi yang berasaskan majoriti di mana majoriti rakyat di negara ini beragama Islam.

Dengan Islam wujud dalam bentuk institusi, Islam dapat dipelihara dengan penguatkuasaan dan ada *legal standing*, ini berbeza dengan negara jiran kita yang mana Islam tidak disebut secara jelas dalam perlembagaan. Indonesia sebagai contoh dalam perlembagaannya iaitu Undang-Undang Dasar 1945 tidak menyebut Islam dengan jelas. Ada frasa *"dengan kewajiban menjalankan syariat Islam bagi pemeluk-pemeluknya"* dalam *preamble* asal, tapi kemudiannya dibuang. Di Indonesia ada Majlis Ulama Indonesia (MUI), yang boleh mengeluarkan fatwa (*ruling*) tetapi tidak *legally binding*.

Oleh itu saya merasakan bahawa peranan Islam dalam politik Malaysia tidak dapat dielakkan. Apa yang perlu kita lakukan adalah memastikan tiadanya penindasan terhadap agama lain. Mengiktiraf kewujudan agama-agama lain dan membenarkan mereka mempraktikkan agama mereka. Sebagai mana kita tidak mahu sekular menindas agama, kita juga tidak mahu agama menindas sekular, atau menindas agama-agama lain yang bukan menjadi agama rasmi. Untuk ini berlaku, rakyat Malaysia perlu dididik dengan ilmu tentang kewujudan agama lain dalam negara ini, kita perlu mengetahui keperluan agama mereka seterusnya menghormati mereka.

Parti Politik berdasarkan agama, satu keburukan?

Seperti mana yang saya telah bahaskan, apa juga perkara yang diterajui oleh manusia, baik parti politik atau kepimpinan negara, mereka terdedah dengan kesilapan, kesalahan dan salah laku. Hal ini tidak ada kena mengena dengan agama tetapi melambangkan sifat manusia yang tidak sempurna. Walaupun justifikasi yang diberikan menggunakan nas-nas dan dalil agama, kelemahan pasti ada selagi yang

memerintah itu manusia. Ini terpakai atas semua ideologi, semua agama, termasuk negara Islam. Oleh itu kita melihat dalam sejarah Islam terdapat sultan-sultan dan khalifah-khalifah yang kejam dalam kerajaan Islam. Ini kerana sultan dan khalifah juga manusia, mereka bukan Tuhan dan boleh melakukan kesilapan.

Apa yang penting bagi saya adalah ruang untuk rakyat menegur pemimpin serta membuat perubahan kepimpinan jika pemimpin yang naik itu memudaratkan rakyat. Perlu ada mekanisma untuk membuat perubahan, mekanisma perubahan kita di Malaysia adalah pilihanraya. Jika tidak, perubahan itu mungkin terpaksa dilakukan dengan mekanisma yang tidak teratur seperti revolusi.

Tidak ada satu sistem yang benar-benar sempurna kerana pelaksananya adalah manusia, baik sistem sekular mahupun sistem agama, kerana adanya manusia yang tidak sempurna yang melaksanakan sesuatu sistem. Apa yang perlu kita lakukan adalah memilih sistem yang paling sesuai mengikut identiti, latar, dan juga keadaan masyarakat setempat. Mengimport sesuatu sistem yang asing dan tidak diterima oleh rakyat kebanyakan akan melahirkan satu pemerintahan yang tidak stabil dan ditolak oleh rakyat. Seperti mana Amerika Syarikat yang cuba memperkenalkan sistem demokrasi dalam masyarakat Afghanistan yang tidak faham dan tidak menerima sistem tersebut. Ia hanya berakhir dengan kegagalan.

Sesuatu sistem yang hendak diperkenalkan di Malaysia juga, perlulah dikembangkan dengan organik, mendapat persetujuan majoriti populasi, serta pandangan semua pihak dilibat urus dan dipertimbangkan. Pendidikan perihal sistem yang dijalankan juga harus diterapkan dikalangan rakyat agar mereka faham bagaimana untuk menggunakan sistem ini dan faham peranan mereka untuk menjayakan sistem politik negara.

Nota

Kertas kerja ini telah dibentangkan pada Program Ambang Pilihanraya Kampus 2022 Siri 2 dalam forum yang bertajuk *"Politik Vs Agama atau Politik dan Agama"*. Forum yang berlangsung pada hari Selasa, 15 Mac 2022 ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar, Universiti Putra Malaysia (JPMPP UPM). Forum ini turut disertai oleh Prof. Madya Dr. Ku Hasnita Ku Samsu, Professor Madya Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, UPM dan saudara Aiman Shafiq, Timbalan Pengerusi 1, Majlis Politik GAMIS. Program ini diselia oleh Assyifa Najihah sebagai moderator.

Rakaman

Rakaman penuh program ini boleh dilihat di laman Youtube rasmi JPMPP UPM pada pautan: https://www.youtube.com/watch?v=JBz8Dj751ug

